

**PROSIDING**

*Seminar*  
**POLITIK MALAYSIA**

**Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **PENGAPLIKASIAN KONSEP GERRYMANDERING DALAM PENENTUAN PERSEMPADANAN PILIHAN RAYA: DUN SABAH, PRU 12**

*Fadilah Sarbi  
Mustapa Abd. Talip  
Zainal Ajamain*

## **ABSTRAK**

*Ruangan politik adalah pertembungan di antara dua elemen asas iaitu spatial (hubungan persekitaran) dan kuasa (politik). Pertembungan dua angkubah ini telah berjaya mewujudkan pelbagai analisis terutamanya berkaitan dengan persempadanan yang akhirnya sesuatu kawasan yang muncul akan mempunyai identiti tersendiri. Lazimnya, dalam penentuan dan penetapan persempadanan pilihan raya, konsep Gerrymandering akan menjadi asas dan tulang belakang kepada proses berkenaan. Konsep persempadanan pilihan raya ini telah dibuat oleh Ellbridge Gerry pada tahun 1812 ini ternyata masih digunapakai sehingga kini, bukan setakat di negeri asal iaitu Amerika Syarikat bahkan di serata dunia. Konsep persempadanan ini mewakili tiga indikator utama dalam penentuan persempadanan iaitu berasaskan bangsa, tanggungjawab pemerintah dan kepentingan parti yang memerintah. Sungguhpun konsep ini sering diperdebatkan dan dikatakan tidak member jawapan yang kompetatif dan dipersetujui oleh semua pihak, nyata setelah hampir dua abad idea persempadanan ini masih mendapat tempat sama ada bagi tujuan, kemenangan pilihan raya, pemanipulasian atau perlindungan serta kepentingan. Oleh hal yang demikian, kertas kerja ini akan membincangkan pengaplikasian konsep Gerrymandering sebagai salah satu indikator penentu persempadanan pilihan raya di negeri Sabah yang memfokuskan kepada kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah dengan merujuk kes penentuan persempadanan pada pilihan raya umum ke-12 yang lepas.*

## **APA ITU PERSEMPADANAN POLITIK (GEOGRAFI POLITIK)?**


Persempadanan amat berkait rapat dan menjadi angkubah penting dalam proses pilihan raya. Bukan setakat pilihan raya akan tetapi persempadanan adalah elemen yang penting turut diguna pakai bagi tujuan lain seperti ekonomi, kebudayaan, kewilayahan, dan banyak lagi yang akan berubah mengikut peralihan yang berlaku. Perubahan ini meliputi banyak interaksi, dan persefahaman seperti pendekatan pembangunan, agenda kerajaan, perkembangan dalaman sesebuah negara serta proses globalisasi (Vera P.K & Doris Waslt-Walter, 2004). Persempadanan juga merupakan kawasan yang realitinya adalah berdasarkan garisan. Pendekatan yang biasanya digunakan dalam persempadanan bergantung kepada tujuan sempadan itu dibuat. Bagi persempadanan politik yang ada, biasanya akan bergantung kepada pihak yang dipertanggung jawabkan untuk membuat persempadanan berkenaan. Biasanya,

persempadanan politik adalah berkaitan dengan sesuatu kawasan yang bersempadanan berteraskan lokaliti dan terdapat tempat atau pusat pembuangan undi. Terdapat pelbagai kaedah yang diguna pakai untuk membuat persempadanan politik ini (Barbara J.M, 2004)

Persempadanan politik adalah secara asalnya dibuat oleh *European Nation-states* menurut De Vorsey dan Bigger (1995) dan Burghard (1996), akan tetapi pendapat ini tidak dipersetujui oleh banyak pihak dengan pelbagai alasan. Namun mengikut Shapiro (1999), persempadanan yang dilakukan oleh *European Nation-states* berkenaan telah dimulakan pada abad ke-17 lagi. Akan tetapi bagi persempadanan politik bermula pada abad ke-19 apabila utara dan selatan Eropah dibahagikan. Namun, bermula pada 1990 an persempadanan politik adalah sesuatu yang hangat diperbincangkan (Anssi Paasi, 2004). Terlalu banyak elemen yang dipertimbangkan oleh mana-mana negara dalam pembinaan persempadanan politik masing-masing. Antara elemen yang diguna pakai adalah sosial, kuasa politik, budaya dan sejarah untuk menjadikan sempadan lebih bersifat simbolik (Newman & Paasi, 1998; Anderson & O'Dowd, 1999; Donnan & Wilson, 1999; Van Der Velde & Van Houtum, 2000). Namun menurut Lamont & Molnar (2002) yang juga merupakan ahli sosiologi menyatakan bahawa persempadanan politik adalah topik yang berkaitan dengan identiti sosial, kategori yang pelbagai dalam ruangan, kebudayaan, perkauaman, kumpulan etnik, hegemoni, pertimbangan profesional, kontroversi sains, hak asasi kumpulan, migrasi, dan politik dalaman.

Ahli geografi sering menyatakan persempadanan politik adalah lahir daripada idea tradisi mereka yang melibatkan garisan di atas peta, fungsi persempadanan yang mempunyai institusi, simbol, dan sumber yang melibatkan penduduk yang berkaitan dengan ruangan yang ada (Paasi, 1996). Minat yang mendalam khususnya oleh ahli geografi berkenaan dengan persempadanan politik ini pada 1990 an. Hal ini kerana banyak komen yang menjelaskan bahawa hampir keseluruhan negara yang ada hilang maksud tradisi asal pembikinan peta, campur tangan kuasa luar, kepelbagaian proses pembikinan sempadan, fenomena "*Fast Geography*" iaitu berkaitan dengan telekomunikasi dan "*Slow Geography*" iaitu pengangkutan yang mengikut peredaran migran (Paasi, 2002).

Namun terdapat lima (5) elemen yang utama dalam persempadanan dunia yang memberi impak kepada persempadanan geografi politik. Paasi, 2002 menyatakan elemen yang terlibat adalah 1) keadaan sosioekonomi - berkaitan dengan peraliran ekonomi dan kewangan, 2) globalisasi – perubahan secara besar-besaran berkaitan dengan ekonomi, budaya dan skala pergerakan. 3) Situasi "*postmodern*" – perubahan sosial berkaitan dengan identiti semulajadi, pengetahuan dan keTuhanan, 4) Teknologi – perkembangan informasi baru yang berasaskan teknologi moden dan ruangan siber, 5) Ekopolitik- berkaitan dengan permasalahan persekitaran yang memberi impak seperti pencemaran dan hujan asid.



Rajah 1: Elemen – elemen Dalam Persempadanan Geografi Politik

(Sumber : Paasi, 2002)

Perhatian dalam pemetaan persempadanan politik ini yang dilakukan oleh ahli geografi ini adalah berdasarkan konsep dan kartografi, imaginasi atau nilai sosial dan estetika (O'Tuathail & Dalby, 1998). Reruang adalah berdasarkan identiti, kenegaraan, keselamatan adalah diguna pakai dalam pembikinan persempadanan politik yang juga berkait dengan kuasa politik yang ada (Campbell, 1992; Tickner, 1995). Manakala menurut Sack, 1986; Paasi 2003, persempadanan politik adalah sebahagian daripada sejarah dalam pembinaan wilayah dan sempadan yang ada merupakan elemen penting dalam konteks kewilayahan untuk rakyat dan sumber adalah dikuasai oleh pemerintah. Cabaran utama dalam persempadanan politik pada masa kini adalah berkaiatan dengan dunia tanpa sempadan. Hal ini boleh menyebabkan perubahan yang kerap kerana berlaku pergerakan dan perubahan yang pelbagai (Philo & Miller, 2001). Namun menurut Ohmea, 1995 cabaran yang paling utama adalah untuk menganalisis kesan globalisasi yang membawa banyak perubahan terutamanya kepada sempadan politik sesebuah negara dan kesatuan amnya.

Akan tetapi pendapat berkenaan di tentang oleh Beck, 1997 yang menyatakan bahawa globalisasi dan teknologi tidak memberi impak yang langsung dalam proses persempadanan yang ada. Hal ini kerana globalisasi hanya mengubah perspektif dunia kepada lebih terbuka tetapi tidak melibatkan persempadanan yang ada. Menurut Anderson, 1996 persempadanan politik yang ada mesti berdasarkan polisi sesebuah negara, kawalan kewilayahan, penerapan nilai pendaftaran pengundi), diplomasi dan pendekatan berdasarkan ilmiah (akademik). Batty, 1995 menjelaskan pengkajian berkaitan dengan persempadanan politik penggunaan komputer sebagai alat yang penting dalam menyimpan pelbagai data dan maklumat yang berkaitan Martin Shubik (1979). Tetapi sejak kebelakangan ini penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) sebagai alat yang penting dalam proses persempadanan yang dapat mempersembahkan maklumat secara keseluruhan, menyelesaikan masalah berkaitan ruangan dan konteks polisi juga dapat diguna pakai.

Akan tetapi, penggunaan komputer semata-mata dalam mengintegrasikan polisi, teori, sistem perbandaran dan kartografi dalam komputer yang sama mendatangkan masalah iaitu berkaitan dengan pembangunan kerana keberkaitan antara elemen yang ada. Untuk mengatasi masalah berkenaan, penggunaan GIS diperkenalkan awal 1980 an dapat menyelesaikan masalah yang timbul. Malahan adanya GIS, bukan sahaja persempadanan berkaitan dengan pilihan raya tetapi juga peta dapat dimanipulasi dan dianalisis secara terus. Sejak daripada itu, GIS digunakan dalam proses pembikinan persempadanan pilihan raya.

## **APA ITU KONSEP GERRYMANDERING?**

*Gerrymandering* adalah satu kaedah untuk memanipulasi sempadan yang akan memberi kesan positif kepada pihak-pihak berkepentingan seperti parti politik. *Gerrymandering* ini dimulakan oleh Massachusetts Gov. Ellbridge Gerry dalam tahun 1812 di Amerika Syarikat (Glassner, 1995). Biasanya persempadanan yang dilakukan akan memberi kesan pada karier seseorang iaitu biasanya ahli politik yang mewakili sesebuah parti atau kumpulan yang berasaskan bangsa. Dalam jangka masa yang sama, parti-parti politik atau pertubuhan yang diwakili selalunya yang berasaskan bangsa adalah berlatar belakang dan terlibat dengan proses persempadanan yang dilakukan ([www.democracyinaction.com](http://www.democracyinaction.com)). Motivasi memainkan peranan yang penting yang menjadi daya penarik di antara gabungan iaitu di antara elemen kumpulan dan sempadan. Hal ini boleh menjadikan opsai dalam proses persempadanan semula biasanya menjadi praktikal. Terdapat tiga jenis gerrymandering ini iaitu *Gerrymandering* berasaskan pengikut suatu gerakan (*Partisan Gerrymandering*), *Gerrymandering* berasaskan perlindungan bertanggungjawab (*Incumbent Protection Gerrymandering*), dan *Gerrymandering* berasaskan bangsa (*Racial Gerrymandering*) (Glassner, 1995).

### ***Gerrymandering* Berasaskan Pengikut Suatu Gerakan (Partisan Gerrymandering)**

*Gerrymandering* berasaskan pengikut suatu gerakan adalah bermatlamat untuk memberi kelebihan kepada pengikut suatu pergerakan dalam sesuatu persempadanan semula dilakukan. Selain itu, *gerrymandering* jenis ini berlaku apabila sesuatu parti politik menginginkan untuk mengawal keseluruhan proses persempadanan semula (Norris & Haring, 1980). Kuasa perundangan dalam *gerrymandering* berasaskan pengikut suatu kaum ini adalah bermatlamat untuk mengawal undi secara keseluruhan pada daerah yang berasaskan kongres seboleh-bolehnya akan dimaksimakan kepada jumlah yang lebih besar yang bakal dipertandingkan dalam suatu pilihan raya akan datang. Pada dasarnya terdapat dua kata kunci utama yang ditekankan dan digariskan dalam *gerrymandering* berasaskan pengikut suatu gerakan ini. Namun strategi yang digunakan adalah berbeza tetapi masih lagi bergantung penuh kepada proses persempadanan semula (Norris & Haring, 1980).

Strategi yang digunakan adalah “menyatu” dan “memecah” penyokong-penyokong parti politik lawan atau kumpulan penentang. Bagi strategi “menyatu” biasanya penyokong parti atau kumpulan lawan akan disatukan di kawasan yang dianggap selamat bagi parti pemerintah. Penyokong-penyokong parti lawan seakan-akan membazir apabila membuang undian kerana sudah pasti undian yang dijalankan tidak memberi impak kepada parti yang memerintah yang sudah pasti memenangi kerusi yang dipertandingkan. Bagi strategi “memecah” pula, biasanya penyokong parti atau kumpulan lawan akan dipecahkan ke beberapa kawasan yang pasti calon parti yang disokong tidak

akan memegang kerusi yang dipertandingkan (Norris & Haring, 1980). Sebenarnya sempadan dilakukan berdasarkan *gerrymandering* jenis ini adalah tidak kompetatif. Hal ini kerana kawasan yang diwakili oleh parti lawan sememangnya akan terjejas dan berada pada zon tidak selamat lagi. Jika pun ada kemungkinan parti lawan akan memenangi pilihan raya tetapi jumlah kerusi yang diwakili adalah amat terhad (Taylor, 1993).

### ***Gerrymandering Berasaskan Perlindungan Bertanggungjawab (Incumbent Protection Gerrymandering)***

Akan tetapi, *gerrymandering* berasaskan pengikut suatu gerakan ini adalah praktikal tetapi pada situasi geografi politik pula adalah terhad bagi sesuatu kawasan. Hal ini kerana *gerrymandering* jenis ini tidak boleh membawa sebarang pembaharuan kawasan yang memperlihatkan keadilan bagi semua pihak. Bagi *gerrymandering* berdasarkan perlindungan bertanggungjawab pula, matlamat utamanya adalah untuk memberi perlindungan kepada keselamatan pilihan raya semula atau ulangan. Selalunya, *gerrymandering* jenis ini akan memperlihatkan kompromi di antara dua parti politik yang ada dalam situasi kedua-dua yang ada menginginkan kemenangan dengan cara menyerang lawan pada mana-mana kawasan yang mempertandingkan pilihan raya ulangan atau semula. persempadanan semula adalah proses bagi semua parti yang bertanding dalam *gerrymandering* perlindungan bertanggung jawab ini.

Semua parti politik akan mengikuti proses persempadanan pilihan raya yang dijalankan dengan menggunakan kaedah bertentangan dengan *gerrymandering* berasaskan pengikut suatu gerakan yang hanya lebih kepada parti yang memerintah sahaja akan terlibat. Proses persempadanan semula juga dijalankan biasanya seorang wakil bagi setiap parti yang bakal bertanding di sesuatu kawasan. Kedua-dua wakil ini akan mendapat perlindungan semasa pilihan raya dijalankan dan keputusan bagi persempadanan semula adalah atas persetujuan bersama. Dengan ini, ramai yang menyatakan *gerrymandering* berasaskan perlindungan bertanggung jawab ini jauh lebih kompetatif berbanding dengan yang lain.

### ***Gerrymandering Berasaskan Bangsa Racial Gerrymandering***

*Gerrymandering* berasaskan bangsa pula bermatlamat untuk memberi perlindungan semasa pilihan raya dijalankan kepada calon yang dipilih berdasarkan sesuatu bangsa ini. Menurut artikel tulisan William Perry Pendley iaitu *Racial Gerrymandering in "The Equality State"*, *gerrymandering* berasaskan bangsa ini telah termaktun dalam Seksyen 2 dalam *Voting Right Act (VRA)* menyatakan bahawa mandat persekutuan adalah berdasarkan pelukisan semula sempadan pilihan raya berdasarkan penduduk majoriti dan minoriti sesuatu kawasan berdasarkan pekeliling khas. Populasi minoriti adalah sub penting dan persempadanan semula dalam kawasan sekitar dan populasi berasaskan perkauman akan menjadi satu bentuk penggundian. Sebagai contoh, undian yang dijalankan bagi calon yang berasaskan kaum sebangsa adalah berdasarkan persempadanan perkauman yang wujud di Amerika Syarikat.

Menerusi artikel yang ditulis oleh Benjamin Forest iaitu "*Spatial Demography Special Feature: The Changing Demographic, Legal, and Technological contexts of Political Representation*" menyatakan dalam Seksyen 5, VRA pula menjelaskan bahawa *gerrymandering* berasaskan bangsa ini adalah terletak pada "kuasa menghukum atau daerah kuasa yang dilindungi". Hal ini pula berkaitan

dengan perubahan yang dilakukan dalam perundangan berkaitan dengan persempadanan dan pilihan raya adalah dilakukan oleh Jabatan Kehakiman atau mahkamah daerah sahaja. Asalnya, *Voting Right Act* diperkenalkan pada tahun 1965 untuk melindungi bangsa *African-Americans*. Tetapi sejak tahun 1982 dipanjangkan kepada “minoriti-minoriti berasaskan bahasa” seperti Hispanics (kaum yang berkait rapat dengan terma minoriti).

Daripada ini, jelas menunjukkan bahawa *gerrymandering* berasaskan kaum ini adalah berkaitan dengan pelukisan semula kawasan majoriti, bukan minoriti juga boleh menggunakan kaedah ini bagi mengelak pengasingan kepada kaum minoriti itu sendiri. Pada asalnya kaum minoriti yang menyokong *gerrymandering* berasaskan bangsa ini adalah terdiri daripada yang kurang pendidikan dan lemah. Mereka menyokong untuk mengundi pada kadar yang rendah dalam populasi yang ada. Kawasan yang diwakili oleh kaum majoriti memerlukan lebih undian bukan setakat daripada kalangan mereka tetapi juga undian kaum minoriti ([www.townhall.com](http://www.townhall.com)). Hal ini kerana populasi undian bagi minoriti akan menentukan undian yang diperolehi sanma ada menang selesa atau sebaliknya. Oleh itu sebolehnya calon majoriti menginginkan undian daripada kaum minoriti. Sebagai contoh, kaum minoriti yang ada dikehendaki untuk mengundi calon daripada kaum majoriti kerana undian mereka memainkan peranan yang penting. Namun, boleh dikatakan pada masa kini undian kaum minoriti telah selaras dengan kaum majoriti. Hal ini kerana status sah mereka di kawasan yang sama. Biasanya keputusan akhir bagi setiap pilihan raya yang dijalankan dalam kawasan majoriti, kaum minoriti akan mengundi calon bukan daripada kaum mereka atas dasar kejiranan dan status mereka (Pendley, 2007).

## KESIMPULAN

Daripada ketiga-tiga *gerrymandering* yang diulas ini, tiada satu pun memberi keputusan yang kompetatif iaitu dipersetujui oleh semua pihak. Walaupun *gerrymandering* berasaskan perlindungan bertanggungjawab membawa kedua-dua pihak iaitu parti lawan dan parti pemerintah dalam proses persempadanan tetapi mendapat tentangan juga daripada pihak lain seperti penduduk atau pengundi (Swartz, 2006). Sesuatu yang pasti adalah tanggungjawab dalam proses persempadanan semula berdasarkan konsep *gerrymandering* ini adalah atas tujuan yang utama iaitu kemenangan semasa pilihan raya. Tugas untuk melaksanakan proses persempadanan hanya dijadikan batu locatan untuk kesenangan pada pilihan raya yang mendatang (Friedman & Holden, 2006).

Parti-parti politik terutamanya parti yang sedang memerintah lebih mengutamakan kemenangan dalam pilihan raya manakala kumpulan yang berasaskan bangsa atau perkauman pula lebih gemar mengemukakan calon daripada kalangan mereka dan berharap akan mencapai kemenangan. Biasanya dalam kumpulan yang berasaskan bangsa atau perkauman ini, kemenangan seorang calon mereka adalah kemenangan mutlak bagi bangsa dan kaum mereka dan jika mengalami kekalahan akan memalukan mereka. Secara keseluruhannya, penarik bagi konsep *gerrymandering* ini adalah kuasa untuk menguasai setiap kawasan dengan proses persempadanan semula (Glassner, 1995). Akan tetapi menurut Blacksell (2006), konsep *gerrymandering* adalah konsep yang menyebabkan manipulasi kepada keputusan pilihan raya. Hal ini kerana akan memberi kelebihan kepada parti yang memerintah untuk menguruskan keseleruhan yang berkaitan dengan pilihan raya. Grafik iaitu persempadanan semula biasanya akan dipenuhi dengan ruangan sempadan yang dikotori dengan penipuan yang memihak kepada parti pemerintah.

## PENGAPLIKASIAN DALAM PR SECARA UMUM (DUNIA)

Jadual 1: Pengaplikasian Dalam PR Secara Umum (Dunia)

Negara	Pengaplikasian Gerrymandering
<p><b>German</b></p>	<p>Penggunaan konsep <i>gerrymandering</i> dalam persempadanan pilihan raya ini diketengahkan oleh pihak SPD sebagai parti pemerintah apabila memenangi pilihan raya pada tahun 1998 dan memenangi keseluruhan 4 kerusi yang dipertandingkan di kawasan Berlin</p> <p><b>Partisan Gerrymandering</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertelingkahan antara parti bermula pada tahun 2000 – persempadanan semula</li> <li>2. Digunakan oleh Parti Sosial Demokrat (SPD) – arti pemerintah</li> <li>3. Ingin menggabungkan Berlin Utara &amp; Berlin Tenggara atas nama Berlin Utara, kerana majoriti penyokong SPD di Berlin Tenggara adalah sangat rendah</li> </ol>
<p><b>Amerika Syarikat</b></p>	<p>Dalam sejarah Amerika Syarikat, keperluan gerrymandering dalam politik biasanya akan diukur dengan melukis perubahan jumlah rumah setiap jangka masa 10 tahun.</p> <p><b>Partisan Gerrymandering</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Parti pemerintah akan memperkecilkan kawasan parti lawan menjadi kawasan-kawasan lain bagi memperbanyakkan lagi kemenangan kerusi bagi pihak pemerintah seperti yang telah dilakukan di Pennsylvana.</li> </ol> <p><b>Racial Gerrymandering</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sering digunakan bagi kawasan-kawasan tertentu seperti di Ohio, yang majoriti terdiri daripada kaum African-Americans</li> </ol>
<p><b>Canada</b></p>	<p>Bermula daripada tahun 1950-an, Kerajaan Persekutuan Kanada mula melukis semula sempadan di kawasan Manitoba yang juga adalah kawasan pertama yang menerima penggunaan konsep <i>gerrymandering</i></p> <p><b>Partisan Gerrymandering</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tahun 2006 pula, kontroversi mula timbul di kawasan Kepulauan Prince Edward apabila Kerajaan Persekutuan sudah diperintah oleh parti pemerintah dan bukan lagi badan atau agensi yang bebas.</li> <li>2. Kerajaan Persekutuan telah menetapkan untuk pelukisan semula sempadan tanpa memberitahu pihak lain yang turut serta dalam proses persempadanan semula</li> <li>3. Pada masa yang sama, masih lagi terdapat badan atau agensi bebas yang lain yang terlibat secara langsung dengan proses persempadanan dan pilihan raya di Canada</li> </ol>



Jadual 1: Samb...

	<p>4. Jelas menunjukkan parti pemerintah ingin menerapkan PG seperti sebelum ini.</p> <p><b><i>Incumbent Protection Gerrymandering</i></b></p> <p>1. Terdapat 2 jenis peta sempadan semula menyebabkan kekeliruan terutamanya kepada pengundi dan penduduk negara berkenaan.</p> <p>2. Berikutan daripada pertelingkahan berkenaan, parti pembangkang menyuarakan hasrat dengan mengemukakan cadangan supaya IPG digunapakai.</p> <p>3. Cadangan parti pembangkang telah diterima oleh semua pihak yang bertelagah dan akhirnya pelukisan peta baru atau peta ketiga telah dijalankan.</p> <p>4. Pelukisan semula ini diketuai oleh ahli-ahli parti-parti politik yang ada dan badan bebas yang mengendalikan proses pilihan raya Canada.</p> <p>5. Peta persempadanan yang terhasil kali ini adalah peta yang lebih telus, memuaskan dan adil kepada semua pihak</p>
--	---

## PENGAPLIKASIAN DALAM PERSEMPADANAN PR DI MALAYSIA

Bantahan di Malaysia berkaitan *gerrymandering* terjadi apabila parti lawan menentang penggunaan konsep *gerrymandering* semasa pilihan raya pada tahun 1990, iaitu jumlah penduduk di suatu daerah tidak melambangkan banyak kawasan mengundi dan ditambah lagi dengan penekankan konsep “seorang rakyat, satu undi”. Parti pemerintah menggunakan pendekatan mencantumkan beberapa daerah kawasan dalam satu daerah yang sememangnya berpihak kepada parti pemerintah BN (Barisan Nasional). Konsep *gerrymandering* yang dibawa oleh Parti Barisan Nasional iaitu selaku parti pemerintah yang juga merupakan parti masyarakat Melayu sebagai majoriti, masyarakat Cina dan India pula adalah penyokong kuat dalam pemerintahan yang ada. Bangsa Bumiputera adalah bangsa majoriti yang biasanya didapati di kawasan perkampungan dan bandar kecil manakala masyarakat India dan Cina adalah penduduk bagi kawasan bandar. Dalam pemilihan pada tahun 1994, banyak kemenangan kerusi pilihan raya bagi parti pementah datangnya dari kawasan perkampungan dan bandar kecil.

Namun sesuatu yang pasti kawasan pedalaman yang mempunyai jumlah penduduk yang sedikit mempunyai satu kawasan mengundi berbanding di kawasan bandar, biarpun jumlah penduduk yang mempunyai kepadatan yang amat tinggi akan tetepi masih juga diberikan satu kawasan mengundi. Sebagai contoh daerah mengundi Hulu Rajang yang merupakan kawasan pedalaman di Sarawak yang hanya mempunyai penduduk seramai 16,085 diperuntukkan satu daerah mengundi yang mana mempunyai majoriti pengundi bumiputera. Manakala di kawasan Ampang pula iaitu kawasan bandar yang dihuni oleh 98,954 daftar pengundi juga diperuntukkan sebuah kerusi parlimen sahaja.

Dalam kertas kerja untuk persempadanan semula pada tahun 2003, iaitu perubahan persempadanan sejak 1990 parti pemerintah iaitu BN meminta Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia untuk membangunkan sempadan baru yang berdasarkan jumlah demografi kerana peka kepada

permintaan rakyat terutamanya di kawasan bandar. Respon yang diberikan oleh pihak SPR adalah rancangan untuk menambah 25 kerusi parlimen di kawasan berkepadatan tinggi. Jumlah penambahan ini adalah pertambahan yang agak drastik iaitu terus melangkaui kepada 53 kerusi bagi Dewan Undangan Negeri. Semua rancangan ini telah disahkan pada 08 April, 2004. Perubahan ini tidak disukai oleh parti pembangkang kerana bagi mereka melanggar prinsip demokrasi yang diperjuangkan oleh BN. Dalam tindak balas BN kepada parti lawan BN menyatakan kritikan sebelum ini yang sentiasa didebatkan dalam parlimen berkaitan dengan persempadanan telah diambil kira. Parti lawan agak marah dengan keputusan BN dan menjadi isu besar dan anggota parti lawan membuat protes berkaitan kelulusan persempadanan semula. Parti lawan iaitu DAP (*Democratic Action Party*) telah membuat cabaran kepada ketua SPR untuk membantah persempadanan berkenaan.

Dengan itu, pengerusi SPR, Malaysia telah bersetuju untuk menerima bantahan dari parti-parti yang ada, organisasi, badan bukan kerajaan atau komuniti yang lain sebagai membuktikan adanya konsep demokrasi di Malaysia. Namun bantahan yang diterima tidak banyak dan persempadanan yang baru boleh diteruskan. Dengan itu, Selangor mendapat pertambahan sebanyak 5 kerusi parlimen dengan kepadatan penduduk seramai 4.19 juta orang yang dihuni dengan agak rata bangsa yang ada. Manakala bagi negeri Johor yang majoriti dihuni oleh bangsa Bumiputera yang hanya mempunyai penduduk seramai 2.74 juta orang mendapat pertambahan sebanyak 6 kerusi parlimen. Pertambahan yang agak banyak di Johor disebabkan oleh Johor merupakan kubu kuat kepada BN iaitu kira-kira 75.2% pengundi mengundi BN manakala di Selangor pula BN mempunyai majoriti sebanyak 54.8% sahaja pada pilihan raya sebelumnya. Persempadanan semula tahun 2003 mencatatkan kenaikan tertinggi dalam jumlah kerusi parlimen atau DUN. Walau bagaimanapun kawasan kepadatan tinggi seperti kawasan bandar Johor Bahru yang mempunyai jumlah pengundi sebanyak 90,000 daftar pemilih diletakkan di bawah satu parlimen sama seperti kawasan Lenggong biarpun berkepadatan hanya 21,000 daftar pemilih masih ada satu kerusi parlimen diperuntukkan. Akan tetapi tidak ada perubahan atau bantahan kerana kawasan berkenaan adalah majoriti mengundi parti pemerintah iaitu Barisan Nasional.


## SENARIO POLITIK SABAH

### **Pertambahan Kerusi DUN Sabah, Persempadanan 1994 & 2004**

Secara keseluruhannya pada pilihan raya ke-9, tahun 1994 terdapat 48 kerusi dewan undangan negeri (DUN). Sepuluh tahun berikutnya iaitu pada pilihan raya ke-11 pula, jumlah kerusi meningkat kepada 60 kerusi dewan undangan negeri. Persempadanan pilihan raya padea 2008 masih lagi menggunakan persempadanan tahun 2004 kerana Mengikut Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan persempadanan akan diubah dengan melakukan kajian tidak kurang daripada 8 tahun dan hendaklah diselesaikan tidak melebihi 2 tahun daripada tarikh bermula. Biasanya perubahan persempadanan pilihan raya bagi Dewan Undangan Negeri hampir sama dilakukan dengan persempadanan bagi kerusi Parlimen yang dilakukan sekali oleh pihak SPR. Biasanya sebelum persempadanan baru pilihan raya dilakukan.

Secara keseluruhannya, negeri Sabah mendapat pertambahan 12 kerusi bagi DUN dan keseluruhan menjadi 60 kerusi bagi dewan undangan negeri Sabah. Partambahan ini melibatkan N.12 Karambunai, N.16 Luyang, N.19 Kapayan, N.24 Membakut, N.30 Karanaan, N.34 Liawan,


N.37 Sook, N.41 Gum-Gum, N.49 Tungku, N.54 Bugaya, N.56 Apas dan N.60 Sebatik. Daripada pertambahan 12 kerusi DUN berkenaan, 4 kerusi terletak di kawasan Pantai Barat, pertambahan 3 kerusi di kawasan Tengah atau Pedalaman dan 5 kerusi di Pantai Timur, negeri Sabah.



Rajah 2: Persempadanan Pilihan Raya Tahun 1994 & 2004 (2008)

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Laporan Perubahan Sempadan Pilihan Raya Tahun 2004 dan Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah)


Secara kasarnya dapat dilihat bahawa terdapat tiga jenis keluasan iaitu keluasan pada angka ribu, ratus dan puluh km. Bagi kawasan yang berkeluasan pada angka ribu, terdapat tiga kawasan utama iaitu N.49 Tungku yang juga merupakan kawasan baru terbesar, N.60 Sebatik yang berkeluasan sebesar 1488.35 km, dan N.37 Sook yang mempunyai keluasan sebesar 2388.45 km. Bagi kawasan yang mempunyai keluasan pada angka ratus pula adalah N.24 Membakut, N.30 Karanaan, N.34 Liawan, N.41 Gum-Gum, N.54 Bugaya dan N.56 Apas. Bagi N.12 Karambunai, N.16 Luyang dan N.19 Kapayan adalah kawasan DUN yang mempunyai keluasan kurang daripada seratus kilometer (km).



Rajah 3: Pertindanan (*overlay*) Peta Persempadanan 1994 & 2004

## Gerrymandering di Sabah: pru 12 Racial Gerrymandering di Sabah


*Racial Gerrymandering* bagi negeri Sabah, dikaji oleh penyelidik berdasarkan tiga indikator utama iaitu taburan penduduk secara keseluruhan, Taburan penduduk berdasarkan etnik dan taburan pengundi berdasarkan klasifikasi bangsa. Seperti yang diketahui umum, kawasan Kota Kinabalu dan Sandakan merupakan daerah pentadbiran yang mempunyai bilangan penduduk yang paling tinggi di negeri Sabah, diikuti dengan Tawau iaitu dalam 300,000 penduduk ke atas. Manakala daerah pentadbiran yang mempunyai bilangan penduduk agak rendah majoritinya terletak di kawasan pedalaman seperti Pitas, Tambunan, Nabawan, Tenom serta Sipitang dan Kuala Penyu biarpun terletak di bahagian Pantai Barat. Jumlah penduduk adalah sekitar bawah 50,000 orang sahaja. Taburan penduduk ini penting dalam penyelidikan ini kerana dapat dilihat pembahagian kawasan berdasarkan penduduk yang ada. Paling utama jumlah kerusi akan dipengaruhi oleh jumlah penduduk yang ada.



Rajah 4: Taburan Penduduk Sabah Mengikut Daerah Pentadbiran, Berdasarkan Bancian Tahun 2000  
Jabatan Perangkaan Malaysia

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Laporan Perubahan Sempadan Pilihan Raya Tahun 1994 & 2004, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah)

Indikator yang kedua adalah taburan etnik di Sabah, taburan etnik di Sabah dibahagikan oleh penyelidik kepada lima (5) yang utama iaitu Melayu, Kadazan-Dusun, Murut, Cina dan Bajau. Biarpun masih terdapat etnik yang lain namun jelas kelihatan bahawa lima etnik yang dipilih ini memainkan peranan agak besar dalam penentuan persempadanan pilihan raya berdasarkan etnik di negeri Sabah (akan diperbincangkan secara mendalam berdasarkan pembahagian etnik dan sempadan, sub-bab selepas seterusnya). Dan indikator yang terakhir Klasifikasi pengundi berdasarkan bangsa. Klasifikasi ini dikeluarkan oleh SPR bagi setiap DUN yang ada. Klasifikasi ini juga memainkan peranan penting kerana, mengikut klasifikasi yang dikeluarkan, jelas kelihatan adanya pembahagian kawasan pilihan raya berdasarkan bangsa yang menyokong taburan bilangan pengundi berdasarkan etnik.




Rajah 5: Taburan Penduduk Berdasarkan Etnik (i) dan Klasifikasi Pengundi Berdasarkan Bangsa di Negeri Sabah (ii)

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Laporan Perubahan Sempadan Pilihan Raya Tahun 1994 & 2004, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah)

## MELAYU

Di kawasan Kota Kinabalu terdapat hanya satu (1) sahaja iaitu di N.12 Karambunai yang mempunyai kepadatan pengundi Muslim seramai 78% dan mengambil majoriti penduduk Melayu di kawasan Kota Kinabalu yang berjumlah keseluruhan seramai 49,609 orang. Begitu juga dengan N.18 Petagas yang mempunyai kepadatan peratusan pengundi seramai 77% Bumiputera Muslim yang masih lagi di bawah bancian penduduk Kota Kinabalu. Namun, kawasan yang paling banyak memberi jumlah kawasan bagi etnik Melayu adalah di P.175 Papar dengan dua kawasan iaitu N.21 Kawang dan N.22 Pantai Manis, P.176 Kimanis juga dengan dua DUN iaitu N.23 Bongawan dan Membakut. Keempat kawasan berkenaan adalah di dalam daerah pentadbiran Papar yang mempunyai kepadatan penduduk seramai 92,451 orang dan majoriti utama adalah etnik Melayu. Keseluruhan peratusan bagi bangsa pengundi yang paling dominan adalah sekitar 63 -68% bagi semua kawasan DUN yang telah dinyatakan diatas. Jumlah peratusan pengundi agak sederhana biarpun kawasan etnik Melayu kerana dibayangi oleh bangsa lain seperti Kadazan Dusun dan Bajau.




Rajah 6: Peta Populasi Etnik Melayu dan Pertindanan dengan DUN 2008

Di Sandakan pula, terdapat tiga kawasan dimonopoli oleh etnik Melayu iaitu N.41 Gum-Gum, N.42 Sungai Sibuga dan N.43 Sekong. Peratusan pengundi Bumiputera Muslim juga agak tinggi berbanding kawasan lain iaitu di antara 70%- 83%. Jumlah penduduk berbangsa Melayu yang dicatatkan di Sandakan adalah seramai 54,904 orang. Kawasan lain yang turut mencatatkan kawasan Melayu adalah daerah pentadbiran Tawau yang turut menjadi “lubuk emas” kepada kawasan Melayu kerana memcatatkan empat (4) kawasan yang terlibat iaitu N.55 Balung, N.56 Apas, N.59 Tanjong Batu dan N.60 Sebatik. Hal ini tidak mustahil kerana daripada angka penduduk yang berbangsa Melayu iaitu 66,370 orang dan merupakan bangsa yang memnuyai penduduk teramai di Tawau bagi kategori warganegara Malaysia. Di samping itu, jumlah peratusan pengundi berasaskan bangsa juga agak tinggi Bumiputera Muslim mencatatkan jumlah pengundi seramai 77% -89 % pada kawasan yang terlibat.

## KADAZAN DUSUN

Bagi etnik Kadazan Dusun, jelas kelihatan kawasan DUN yang dimiliki kebanyakan terletak di kawasan pedalaman negeri Sabah. Biarpun terdapat beberapa kawasan yang terletak di Pantai Barat Negeri Sabah. Jelas kelihatan tiada satu pun kawasan yang terletak di kawasan Pantai Timur negeri Sabah dimiliki oleh etnik Kadazan Dusun. Di Utara negeri Sabah, terdapat 2 kawasan yang diwakili oleh etnik ini iatu N.4 Matunggong dan N.5 Tandek. Kawasan berkenaan terletak di dalam P.168 Kota Marudu yang jelas klasifikasi pengundi majoriti adalah bumiputera bukan Muslim iaitu 80 % dan 60% keseluruhannya. Jumlah pecahan penduduk juga memainkan peranan yang penting apabila jumlah yang dicatatkan bagi etnik Kadazan Dusun ialah 37,714 orang daripada jumlah keseluruhan iaitu 61,642 orang. Di Kota Belud, terdapat satu DUN yang diperuntukkan iaitu N.7 Kadamaian dengan mengambil kira kepadatan penduduk Kadazan Dusun seramai 32,682 orang daripada 75,568 orang di samping klasifikasi pengundi kawasan berkenaan 85.7% Bumiputera Bukan Muslim.




Rajah 7: Peta Populasi Etnik Kadazan Dusun dan Pertindanan dengan DUN 2008

Bagi P.170 Tuaran pula mencatatkan 2 kawasan yang dimiliki oleh kaum ini iaitu di N.9 Tamparuli dan N.11 Kiulu. Kawasan ini memang dimonopoli oleh penduduk Kadazan Dusun dengan pecahan pengundi iaitu di antara 61% sehingga 86% adalah Bumiputera Bukan Muslim di samping populasi yang dicatatkan dalam bancian seramai 39,116 orang daripada 75,568 keseluruhannya. Bagi N.20 Moyog juga merupakan kawasan yang majoritinya daipada etnik Kadazan Dusun dengan kepadatan seramai 44, 176 orang daripada jumlah keseluruhan iaitu 137,002 populasi yang dicatatkan di samping pecahan pengundi berasaskan bangsa bertumpu di kawasan ini iaitu Bumiputera bukan Melayu seramai 83.1%. Beralih ke kawasan yang terletak di pedalaman negeri Sabah, terdapat 5 kawasan yang mewakili etnik Kadazan Dusun iaitu N. 29 Kundasang dan N.31 Paginatan di Daerah Ranau, N.32 Tambunan (bancian terdapat daerah sendiri) dan N.33 Bingkor bagi P.180 Keningau dan N.37 Sook bagi P.182 Pensiangan (bancian di dalam Keningau).

Bagi P.179 Ranau, etnik Kadazan Dusun bertumpu di Kundasang dengan majoriti pengundi Bumiputera Bukan Melayu seramai 72.5% dan di Paginatan bermajoriti seramai 67.4% bagi Bumiputera Bukan Melayu. Ini disahkan lagi dengan jumlah bilangan penduduk daripada etnik ini adalah seramai 61,944 daripada jumlah keseluruhan bancian yang dicatatkan iaitu 74,456 orang. Bagi daerah pentadbiran Keningau pula, terdapat dua DUN yang diwakili iaitu Bingkor dan Sook biarpun terletak pada Parlimen yang berbeza. Berasaskan bancian yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, etnik Kadazan Dusun merupakan etnik yang memonopoli kawasan Keningau dengan kepadatan penduduk iaitu seramai 50,607 orang daripada 155,069 orang dan begitu juga di Tambunan dengan kepadatan penduduk 25,669 daripada keseluruhan 29,294 orang. Selain itu, jumlah pengundi yang berasaskan klasifikasi bangsa juga menyokong persempadanan bangsa ini dengan peratusan melebihi 85% bagi Bumiputera Bukan Melayu.

## MURUT

Etnik Murut merupakan etnik yang betul-betu bertumpu di kawasan pedalaman, biarpun etnik Kadazan Dusun juga kelihatan di kawasan pedalaman namaun terdapat pecahan yang menghuni di kawasan Utara dan Pantai Barat negeri Sabah lagi. Etnik ini kelihatan bertumpu di kawasan Keningau, Tenom dan Nabawan. Namun di sini, penyelidik hanya melihat pembahagian kawasan pengundian berasaskan bangsa Murut ini di tiga kawasan sahaja iaitu N.35 Melalap dan N. 36 Kemabong di kawasan Tenom manakala N.38 Nabawan terletak di Pensiangan. Di Keningau bangsa Murut dibayangi oleh majoriti bangsa Kadazan Dusun yang hanya mencatatkan peratusan 15 % daripada jumlah keseluruhan penduduk Keningau.




Rajah 8: Peta Populasi Etnik Murut dan Pertindanan dengan DUN 2008

Tenom sebenarnya merupakan kawasan didiami oleh majoriti penduduk berbangsa Murut. Ini jelas kelihatan dengan bancian yang dilakukan kira-kira 25,411 daripada 48,353 penduduk di Tenom adalah berbangsa Murut. Penyelidik berpendapat adalah tidak mustahil bahawa kawasan DUN yang dibuat iaitu Melalap dan Kemabong adalah berpihak kepada penduduk Murut. Ditambah lagi dengan limpahan penduduk dari kawasan berhampiran iaitu Keningau yang juga mempunyai penduduk berbangsa Murut terutama yang berhampiran sempadan daerah kawasan berkenaan. Namun yang pasti jumlah peratusan pengundi mengikut klasifikasi bangsa agak bercampur terutama di kawasan Melalap iaitu 60% bagi Bumiputera Bukan Muslim dan agak tinggi di Kemabong iaitu kira 68% bagi klasifikasi penduduk Bumiputera Bukan Muslim. Bagi kawasan Nabawan pula, klasifikasi pengundi adalah 90% terdiri daripada Bumiputera Bukan Islam dan majoriti penduduk yang dicatatkan adalah 19,947 berbangsa Murut daripada jumlah keseluruhan penduduk di Nabawan iaitu 25,285 orang.



## CINA

Bagi etnik Cina pula, agak berbeza daripada etnik yang lain kerana tumpuan kawasan yang dimiliki adalah bertumpu di kawasan bandar. Antara bandar-bandar yang mempunyai kawasan DUN bagi etnik Cina adalah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Di kota Kinabalu dengan kod pendaftaran P.172, mempunyai 3 DUN yang keseluruhan pengundi adalah berbangsa Cina. Biarpun Kota Kinabalu mengikut bancian mempunyai bilangan penduduk yang agak setara namun, penduduk Cina bertumpu di kawasan tengah bandar dan kawasan bagi bangsa atau etnik lain adalah bertumpu di kawasan pinggiran bandar seperti Karambunai dan Inanam. Kawasan yang bermajoriti Cina jelas kelihatan di N.14 Likas dengan peratusan pengundi berasaskan bangsa sebanyak 78%, N.15 Api-Api dengan kepadatan 84% dan akhir sekali N.16 Luyang dengan peratusan pengundi Cina sebanyak 80%. Keseluruhannya populasi etnik Cina di Kota Kinabalu adalah seramai 85,297 iaitu jumlah tertinggi daripada penduduk yang ada dalam jumlah keseluruhan ialah 372,047 orang.




Rajah 9: Peta Populasi Etnik Cina dan Pertindanan dengan DUN 2008

Di Sandakan pula daripada 6 DUN, etnik Cina memiliki 2 kawasan DUN iaitu di N.45 Elopura, N.46 Tanjung Papat seperti di Kota Kinabalu melibatkan satu kawasan Parlimen iaitu P.186 Sandakan. Jumlah keseluruhan penduduk etnik Cina di Sandakan adalah seramai 62,988 orang dan merupakan warganegara Malaysia yang mencatatkan pertusan pengundi terbesar. Daripada pecahan berkenaan, peratusan pengundi berasaskan etnik Cina adalah di antara 60% - 63%. Hal ini kerana jumlah pengundi dan populasi penduduk berbangsa lain juga adalah tidak jauh beza berbanding bangsa Cina di Sandakan. Manakala di Tawau pula, etnik Cina mendapat satu (1) sahaja kerusi DUN daripada 6 keseluruhannya. Kerusi DUN berkenaan adalah di N.57 Sri Tanjung dan. Peratusan pengundi berbangsa Cina di kawasan berkenaan adalah 74%, manakala penduduk etnik Cina berjumlah 37,779 orang di Tawau.

## BAJAU

Bagi etnik Bajau pula, persempadanan yang dilakukan kepada mereka bertumpu di kawasan Kota Belud, Tuaran dan Semporna. Bagi Daerah Pentadbiran Kota Belud, terdapat 2 kawasan DUN yang diperuntukkan daripada tiga daripada keseluruhan iaitu pecahan P.169 Kota Belud. DUN yang terlibat adalah N.6 Tempasuk dan N.8 Usukan. Daripada populasi seramai 75,568 orang, dan etnik Bajau seramai 26,054 di samping klasifikasi pengundi bagi kedua-dua DUN berkenaan 66 % dan 89.5% Bumiputera Muslim, jelas memperlihatkan pengaplikasian *racial gerrymandering* telah digunakan. Selain itu, di tuaran juga terdapat satu DUN yang diperuntukkan untuk etnik bajau iaitu iaitu N.10 Usukan yang mempunyai bilangan penduduk Bajau seramai 25,238 orang daripada jumlah keseluruhan iaitu 84,974 orang. Biarpun jelas kelihatan kawasan P.170 Tuaran ini majority penduduk adalah daripada kaum kadazan Dusun namun, pembahagian kawasan yang jelas membuktikan keselesaan etnik bajau terus dipelihara. Klasifikasi pengundi berasaskan bangsa bagi DUN Sulaman ini adalah majoriti Bumiputera Muslim 82.4%.



Rajah 10: Peta Populasi Etnik Bajau dan Pertindanan dengan DUN 2008

Akhir sekali, kawasan yang paling banyak diperuntukkan untuk kaum Bajau iaitu Semporna yang memegang kod pendaftaran parlimen iaitu P.189 yang kesemua 3 DUN yang ada iaitu N.52 Sulabayan, N.53 Senallang dan N.54 Bugaya. Keseluruhan penduduk Semporna dicatatkan seramai 114,989 orang dan majoriti penduduk adalah berbangsa Bajau iaitu 63,008 orang dan ditambah lagi dengan klasifikasi pengundi berasaskan bangsa kesemua DUN yang ada mempunyai bilangan pengundi Bumiputera Muslim berjumlah 90% ke atas. Bagi kawasan Kota Kinabalu, biarpun etnik bajau dicatatkan 60,857 orang, namun angka ini boleh dikatakan kecil kerana populasi penduduk yang agak tinggi iaitu seramai 372,047 dan juga terdapat kepelbagaian etnik yang lain yang jelas memonopoli kawasan yang ada serta percampuran yang agak ketara ke semua kaum tanpa mempunyai spesifikasi kawasan dipunyai oleh sesuatu kaum sahaja.

## RUJUKAN

- Agnew, J. (1998). *Geopolitics: re-visioning world politic*. London: Routledge Publisher
- Agnew, J. and Corbridge, S.(1995). *Mastering Space*. London: Roudledge Publisher
- Blacksell, M. (2006). *Political Geography*. London: Routledge Publisher
- Boots,B.(2000). "Geographic Representation in Spatial Analysis". *Journal of Geographic Systems*.
- Fotheringham, S., and Rogerson, P. (editor). 1994. *Spatial analysis and GIS*. Great Britain: Taylor & Francis Publisher.
- Francis Loh Kok Wah and Johan Sravanamuthu. (2003). *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asia Study
- Glassner M.I. (1995). *Political Geography (Second Edition)*. USA: John Wiley & Sons Inc
- Lee Boon-Thong & Tengku Shamsul Bahrin (Editors).(1998).*Vanishing Borders: The New International Order of The 21st Century*. Great Britain: Ashgate Press
- Miller, H.V.(2000). "Using GIS to Promote Spatial Analysis". *Journal of Geographic Systems*.
- Norris, R.E and Haring, L.L.(1980). *Political Geography*. USA: Charles E. Merrill Publishing.Co.
- Taylor, P.J.(1993). *Political Geography: World Economy, Nation-State and Locality (Third Edition)*. England: Longman Scientific & Technical
- Shashi Shekar and Sanjay Chawla. (2003). *Spatial Databases : A Tour*. New Jersey : Prantice Hall Press.
- Vincent. A. (1987). *Theorist of The State*. Oxford: Basil Bleckwell Ltd
- Worboys, M.F.(1999). "Relational Database System". *Geographic Information Systems (Volume 2 : Management Issues and Application)*. USA: John Wiley & Sons, Inc.<http://www.spr.gov.my>
- "Federal Electoral District,(200)3 Representation Order Cartographic Bondary File (Geography products: Spatial Information Product, 2001 Cencus), Reference Guide".<http://scholar.google.com/scholar?hl=en&q=cache:6t41pPP2wKAJ:www.statcan.com>.
- "The Unique Characteristics of Electoral Constituencies Effected to Political Behavior of Voting Turnouts". (atas talian) [http://kasem.kbu.ac.th/journal\\_kbu/group/dr\\_supanee1\\_17.pdf](http://kasem.kbu.ac.th/journal_kbu/group/dr_supanee1_17.pdf).
- "Electoral Boundaries Commision (Report on the 2000-2001 Redivision of Electoral Boundaries" (atas talian) <http://www.australia.gov>.